GARIS PANDUAN LEMBAGA PENASIHAT PROGRAM PENGAJIAN

1 Latar belakang

i. Proses pemantauan, penilaian serta kajian semula program pengajian perlu dilaksanakan bagi memastikan kualiti graduan yang tamat mengikuti program pengajian terbabit mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.
ii. Lembaga Penasihat Akademik merujuk kepada sekumpulan individu yang dilantik melaksanakan tanggungjawab menilai, memantau, serta mengkaji semula program pengajian.

2 Keahlian Lembaga Penasihat Program Pengajian

i. Lembaga penasihat hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian berkenaan.
ii. Mereka juga boleh terdiri daripada ahli profesional dalam bidang yang berkaitan dari industri, dari badan-badan kerajaan, serta dari badan-badan bukan kerajaan.
iii. Keahlian juga boleh melibatkan pakar-pakar dari dalam dan dari luar negara.
iv. Bekas pelajar atau alumni kepada program pengajian terbabit.

2. Skop Penilaian, Pemantauan, dan Kajian Semula Program Pengajian.

Proses ini memerlukan penilaian di buat ke atas:

i. Struktur institusi, fakulti, jabatan, atau pusat di mana program pengajian terbabit dilaksanakan.
ii. Struktur dan proses pentadbiran, kepimpinan, pengurusan perancangan dan mekanisme penilaian semula.
iii. Komponen kurikulum seperti sukatan pelajaran, kaedah pengajaran pembelajaran, proses penaksiran dan penilaian, serta hasil pembelajaran.
iv. Kemajuan dan pencapaian pelajar, serta kebolehpasaran graduan.
v. Laporan penilaian program dan penilaian kursus.
vi. Lain-lain maklum balas termasuk kajian jangka panjang berkaitan program pengajian.

3. Kaedah Pelaksanaan Penilaian, Pemantauan, dan Kajian semula ke atas Program Pengajian

i. Ia mesti dilaksanakan secara sistematik, menyeluruh, tepat dan adil.
ii. Ia perlu dilaksanakan mengikut mekanisme yang betul berpandukan sumber-sumber yang tepat, seperti;
   a. Dokumen/data penanda aras.
   b. Kurikulum pengajian.
   c. Metodologi pengajaran dan pembelajaran.
   d. Infrastruktur dan teknologi.
   e. Sistem pentadbiran.
   f. Perkhidmatan pendidikan yang berkaitan.

iii. Proses ini melibatkan analisis data kualitatif dan/ atau kualitatif dari pelbagai sumber seperti:
   a. Wakil pelajar,.
   b. Alumni.
   c. Ahli-ahli akademik / tenaga pengajar.
   d. Wakil majikan.
   e. Badan profesional.
   f. Ibu bapa.
   g. Data pencapaian pelajar.
   h. Profil perkembangan pelajar.
   i. Data tentang purata tempoh pengajian.
   j. Data keciciran.
   k. Laporan pengalaman pembelajaran pelajar.
   l. Data tentang Masa yang digunakan oleh pelajar untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti universiti yang diminati.

iv. Pencapaian pelajar perlu dinilai tentang bagaimana ia menyumbang kepada misi institusi, kurikulum pengajian serta hasil pembelajaran.
v. Perkembangan pencapaian pelajar perlu dianalisis untuk memberi maklum balas kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab membuat dasar tentang pemilihan pelajar yang diterima masuk.

4. **Prosedur Proses Penilaian, Pemantauan, dan Kajian Semula Program Pengajian**

i. Nama-nama ahli yang akan dilantik menganggotai lembaga penasihat program pengajian dicadangkan kepada fakulti oleh jawatankuasa program pengajian untuk mendapatkan persetujuan.
ii. Pendaftar UKM melantik ahli lembaga penasihat program pengajian setelah diluluskan oleh Senat UKM.
iii. Perlantikan di buat berdasarkan terma-terma dan syarat yang ditetapkan.
iv. Jawatankuasa program pengajian di peringkat fakulti yang diketuai penyelaras/ketua program menyediakan dokumen penilaian kendiri

program untuk diberikan kepada panel lembaga penasihat program pengajian bagi tujuan penilaian.

v. Dokumen tersebut diberikan kepada panel sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh penilaian dilaksanakan oleh panel lembaga penasihat program pengajian.

vi. Dokumen-dokumen sokongan di sediakan untuk tujuan penyemakan oleh panel lembaga penasihat program pengajian.

vii. Panel mengkaji, menganalisis, menilai kurikulum program pengajian, dan semua aspek pelaksanaannya berpandukan dokumen-dokumen yang disediakan oleh jawatankuasa program pengajian.

viii. Panel diberikan satu jangka waktu yang wajar untuk melaksanakan proses kajian dan penilaian ke atas program pengajian.

ix. Di akhir sesi penilaian, panel membentangkan/melaporkan kepada jawatankuasa program pengajian hasil kajian dan penilaian yang telah mereka laksanakan ke atas program pengajian terbabit.

x. Laporan panel perlu menyatakan kekuatan, kelemahan serta cadangan-cadangan penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan program pengajian terbabit.

xi. Panel menyerahkan laporan hasil proses kajian dan penilaian yang dibuat ke atas program pengajian dalam masa dua minggu selepas proses penilaian dilaksanakan.

5. Mesyuarat Lembaga Penasihat Program

i. Sekurang-kurangnya dua mesyuarat perlu di adakan di antara jawatankuasa program pengajian dengan panel lembaga penasihat program, di sepanjang tempoh pelaksanaan kajian/penilaian program pengajian terbabit.

ii. Mesyuarat pertama dimulakan dengan pembentangan tentang program pengajian yang akan dinilai oleh Penyelaras/Ketua Program meliputi:

a. Struktur Program pengajian termasuk tempoh pengajian.
b. Kurikulum pengajian termasuk komponen kursus dalam program pengajian.
c. Sistem penyampaian kurikulum.
d. Sistem penaksiran dan penilaian.
e. Penilaian kursus oleh pelajar.
f. Pentadbiran program pengajian.
g. Kajian kompetensi graduan.
h. Kajian kebolehpasaran graduan.
i. Data dari pelbagai sumber yang berkaitan (rujuk 3-ii, dan 3-iii)
j. Maklum balas dari pelbagai sumber yang berkaitan.

iii. Mesyuarat kedua di akhir sesi penilaian di antara jawatankuasa program pengajian dengan panel lembaga penasihat program, memberi ruang kepada panel memberikan maklum balas tentang program pengajian yang dinilai untuk penambahbaikan seperti dalam aspek-aspek yang disenaraikan di atas (5-ii).

6. Keterlibatan

i. Semua ahli akademik/ tenaga pengajar dan para pelajar yang sedang mengikuti program pengajian terbabit perlu terlibat aktif secara langsung dalam perancangan dan proses penilaian ini.
ii. Pihak-pihak berkepentingan juga perlu memberi maklum balas bagi melengkapkan proses penilaian ini.
iii. Kajian ke atas maklum balas dari pihak berkepentingan perlu dilakukan untuk mendapatkan cadangan tindakan penambahbaikan selanjutnya.